

07 JAN 1997

Halim-ISO

LAPORAN KEMAJUAN ISO 9000 JADI AGENDA TETAP MESYUARAT KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan dan negeri disaran menjadikan laporan kemajuan pelaksanaan ISO 9000 sebagai agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan masing-masing.

Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali hari ini berkata langkah itu perlu bagi mengesan kemajuan dan mengenalpasti masalah pelaksanaan dari semasa ke semasa.

"Di peringkat pusat, saya akan memastikan laporan kemajuan ini sentiasa dilaporkan di mesyuarat-mesyuarat utama yang saya pengerusikan," katanya ketika berucap menutup Simposium Kebangsaan MS ISO 9000 di sini.

Simposium dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Sebanyak enam kertas kerja mengenai ISO 9000 dibentangkan oleh pembentang tempatan dan luar negeri.

Abdul Halim berkata antara mesyuarat utama itu ialah Mesyuarat Panel Memajukan Pentadbiran Awam, Mesyuarat Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan, Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Mesyuarat Ketua Eksekutif Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Mesyuarat Perhubungan Di Antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri.

"Secara keseluruhannya, pelaksanaan ISO 9000 dalam sektor awam merupakan sesuatu yang baru dan lazimnya perkara baru tidak mudah diterima dan dilaksanakan," katanya sambil menyarankan para pegawai kerajaan membaca Forum MS ISO 9000, penerbitan baru Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu).

Beliau berkata pengurusan tertinggi perlu terus mengambil inisiatif untuk meningkatkan kefahaman masing-masing melalui perbincangan di peringkat agensi atau pembacaan buku dan majalah yang berkenaan, katanya.

Abdul Halim juga berharap Mampu, sebagai agensi utama melaksanakan MS ISO 9000, akan menyelaraskan usaha-usaha latihan dengan kerjasama beberapa institusi latihan kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Malaysia dan Institut Aminuddin Baki.

"Matlamat kita ialah untuk menjadikan perkhidmatan awam sebagai yang terbaik dan bertaraf dunia," katanya.

Kemudian, ketika diminta mengulas pelaksanaan waktu bekerja berperingkat yang diperkenalkan mulai Januari ini, Halim berkata setakat ini semuanya berjalan dengan lancar dan diterima baik oleh orang ramai.

"Kami belum menerima aduan mengenai masalah yang timbul dan sekiranya ada kita kena kaji dengan teliti. Malahan, ia masih di peringkat percubaan selama enam bulan," katanya. -- BERNAMA

WNZ NAK